

## Relevance of *Takhāruj* Approach in Resolving Problems of Islamic Inheritance Distribution in Malaysia

### Kerelevanan Penyelesaian Masalah Pembahagian Pusaka Islam di Malaysia Melalui Pendekatan *Takhāruj*

MD YAZID AHMAD  
WAN NAJMIYAH WAN ALI  
ANWAR FAKHRI OMAR

#### ABSTRAK

*Peningkatan bilangan penduduk Islam di Malaysia seiring dengan perkembangan saiz populasi yang semakin meningkat. Secara implisitnya, unjuran nilai harta pusaka yang tidak dituntut sehingga mencecah lebih RM60 billion akan menjadi lebih kritikal jika pertambahan penduduk Islam ini tidak diimbangi dengan kesedaran dan kefahaman yang lebih menyeluruh berhubung undang-undang pusaka Islam termasuk mekanisme takhāruj dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan pengagihan pusaka. Walaupun hukum pusaka Islam dalam pembahagian harta pusaka adalah perlu diikuti dan digunakan, namun ia hendaklah dilaksanakan secara realistik dan praktikal agar matlamat di sebalik pensyariatannya tercapai. Justeru, objektif artikel ini bagi adalah membincangkan kerelevanan pemakaian mekanisme takhāruj yang bertindak sebagai wadah untuk menyelesaikan masalah pengagihan pusaka dalam kerangka perlembagaan dan sosioekonomi umat Islam di Malaysia. Kajian kualitatif ini bersandarkan sumber primer dan sekunder dengan menggunakan kaedah analisis dokumen yang disampaikan secara deskriptif. Dapatan kajian merumuskan bahawa pendekatan takhāruj adalah suatu yang signifikan dan relevan dalam konteks menyelesaikan masalah pengagihan pusaka masyarakat Islam dalam aspek menangani halangan undang-undang dalam kerangka perlembagaan yang mengekang waris dari memperoleh bahagiannya; menangani pemecahan saiz hartanah yang melampau; dan mengelakkan kelewatan urusan pembahagian harta pusaka.*

*Kata kunci: Undang-Undang Pusaka Islam; Takhāruj; Kerelevanan; Waris; Malaysia*

#### ABSTRACT

*The increase in the Muslim population of Malaysia corresponds with the growth of the general population. Implicitly, projection of the value of unclaimed Muslim inheritance estate which has reached more than RM60 billion will be more critical if the increase in the Muslim population is not balanced with more comprehensive awareness and understanding of Islamic inheritance laws including the mechanism of takhāruj in resolving distribution issues of Islamic inheritance laws. Given that Islamic inheritance laws must be complied with in distribution of inheritance estate, it must nevertheless be implemented in a realistic and practicable manner so that the objectives of the laws are achieved. Hence, the objective of this article is to discuss the relevance of applying the takhāruj mechanism as a means of resolving distribution issues of inheritance within the framework of the Constitution and the socio-economy of the Muslim community in Malaysia. This qualitative research is based on primary and secondary sources using document analysis and is descriptively presented. Research results conclude that the takhāruj approach is a significant and relevant aspect in the aspect of overcoming legal constraints in the context of Muslim inheritance distribution within the framework of the Constitution which constrains heirs from obtaining their rights, in dealing with extreme fragmentation of property size and avoiding delay in managing of inheritance distribution.*

*Keywords: Islamic Inheritance laws; Takhāruj; Relevance; Heirs; Malaysia*

#### PENGENALAN

Masyarakat Islam semakin berkembang seiring dengan pertambahan populasi warga Malaysia yang sentiasa meningkat saban tahun. Begitu juga dengan peningkatan jumlah nilai harta pusaka yang tidak dituntut atau beku yang semakin kritikal dan tiada

tanda-tanda akan berlaku penyusutan hingga kini. Impak secara langsung ialah kerugian pendapatan kerajaan dari sudut pungutan cukai tanah akibat daripada kelewatan waris menyelesaikan pengagihan tanah pusaka. Contohnya, pada tahun 2005 sahaja, kerajaan menanggung kerugian pungutan cukai tanah negara yang bernilai kira-kira RM200 juta

daripada 900,000 hak milik yang masih atas nama pemilik yang sudah meninggal dunia (belum lagi dibuat permohonan harta pusaka) (Berita Harian 2005). Kesenambungan daripada ini, Datuk Dr. Siti Mashitah Ibrahim selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada waktu itu) dalam tahun 2009, pada Persidangan Parlimen Kedua Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama di Dewan Rakyat pernah melaporkan bahawa secara kasarnya anggaran jumlah nilai harta pusaka yang diperolehi daripada MAIN seluruh negara sehingga 2009 adalah sebanyak RM38.7 juta (Dewan Rakyat 2011).

Kemudian polemik ini dibangkitkan semula pada 2012 oleh Datuk Liew Vui Keong selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada waktu itu) dalam Persidangan Parlimen Kedua Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Ketiga di Dewan Negara yang menjawab persoalan berkaitan kedudukan nilai RM45 billion harta pusaka yang tidak dituntut yang sebahagian besarnya milik orang Islam dengan menyatakan bahawa walaupun tiada statistik yang khusus namun beliau menekankan tentang signifikan membuat dan menyegerakan permohonan mentadbir harta pusaka bagi mengelakkan masalah yang lebih kritikal akibat melewatkan urusan tadbir aset dan tidak dapat dimanfaatkan oleh waris yang mampu memberi implikasi negatif dari aspek sosioekonomi rakyat Malaysia (Dewan Rakyat 2012). Situasi ini dilihat semakin membimbangkan apabila merujuk kepada kenyataan yang pernah diutarakan oleh Datuk Ir Hamim Samuri (2016) Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (pada waktu itu), berdasarkan rekod Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) yang menjelaskan jumlah nilai harta pusaka tidak dituntut itu adalah lebih kurang RM60 billion sejak Malaysia mencapai kemerdekaan (Anon 2016).

Seiring dengan tu, harta pusaka tak alih yang tidak dituntut juga menyumbang kepada peningkatan jumlah tanah yang terbiar. Merujuk kepada hal tanah terbiar ini, lebih kurang 119,273 hektar tanah yang sesuai untuk pertanian tidak diusahakan dan terbiar di seluruh negara pada tahun 2014 menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian (Kurniawati Kamarudin 2019) yang secara tidak langsung merangkumi harta pusaka tak alih yang tidak dituntut. Statistik ini telah dinyatakan pada tahun 2018 oleh Datuk Salahuddin Haji Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani semasa perbahasan di Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Pertama Mesyuarat Pertama berhubung tanah terbiar pertanian di seluruh negara (Dewan Rakyat 2018).

Fenomena ini antaranya disebabkan menebalnya persepsi dan pegangan sebahagian besar masyarakat Islam di Malaysia bahawa hanya sistem faraid sahaja yang ada bagi tujuan pembahagian harta pusaka (Muhammad Ridhwan, Mohammad Noorizzuddin, Khairil Faizal & Fuadah 2014). Selain itu, dalam kes-kes tertentu terdapat kekangan undang-undang yang menyukarkan pembahagian pusaka kepada waris-warisan yang berhak khususnya harta tak alih selain sikap negatif waris yang suka melewatkan pengurusan pusaka. Di sinilah terletaknya kerelevanan pendekatan *takhāruj* dalam menyelesaikan permasalahan agihan pusaka kerana berdasarkan hasil dapatan beberapa kajian penyelidikan yang telah dilakukan antaranya seperti Mohamad Khairul (2001), Wan Saifuldin (2010), Mohd Lutfi (2012), Wan Najmiah (2016) dan Mohammad Arif & Siti Mashitoh (2017) yang merumuskan bahawa mekanisme *takhāruj* merupakan penyelesaian alternatif yang mampu menyelesaikan masalah pembahagian pusaka dengan lebih cepat dan lancar, memudahkan agihan pusaka, menjimatkan masa dan wang, mengeratkan jalinan ukhuwwah dan menolong waris yang kurang berkemampuan dalam kalangan mereka.

Justeru, untuk meraih matlamat syarak dalam konteks mencapai manfaat dan menolak kemudaratan (al-Ghazali 2008) dengan maksud merealisasikan kemaslahatan dan memeliharanya serta menolak kemudaratan yang boleh menimpa manusia (Zaydan 1987; Hayatullah et al. 2012) maka undang-undang pusaka Islam perlu dilaksanakan secara lebih realistik dan praktikal. Ini kerana asasnya adalah menjurus kepada penentuan kadar bahagian pusaka khususnya ke atas harta tak alih dan bukannya penentuan pembahagian secara fizikal harta pusaka tersebut secara total (Wan Najmiah & Md Yazid 2013) disebabkan terdapat beberapa keadaan dan bentuk harta pusaka yang boleh mengundang masalah pemanfaatan harta pusaka tersebut kepada waris yang berhak jika bergantung semata-mata kepada pembahagiannya secara fizikal. Sebenarnya, jika ditelusuri secara lebih komprehensif, satu mekanisme sokongan dalam hukum pusaka Islam dalam merungkai permasalahan pusaka telah terbina dan diaplikasi pada zaman para sahabat (dalam kes *Tumadir*) dan berkembang di zaman ulama mazhab yang dipelopori oleh ulamak Hanafiyah yang dikenali dengan istilah *takhāruj* (Md Yazid 2017). Sejajar dengan itu, walaupun dilihat secara dasarnya, undang-undang pusaka Islam adalah sesuatu yang *rigid* namun sebenarnya wujud ruang kondusif mesra waris melalui pendekatan *takhāruj* agar ruh di sebalik pensyariatannya oleh Allah SWT dapat dipelihara dan dinikmati dengan sebaiknya

seterusnya mempereratkan lagi jalinan ukhuwwah sesama waris.

Ini secara tidak langsung menyuburkan elemen *sulh* dan redha yang terangkum dalam mekanisme *takhāruj* yang merupakan nilai-nilai positif dalam Islam (Ahmad, M. Y. & Laluddin, H. 2010). Hakikatnya, penyelesaian melalui pendekatan *takhāruj* ini memberi ruang pilihan kepada waris-waris membahagikan harta dengan cara yang lebih sesuai untuk masalah mereka menerusi proses *sulh* dan merupakan ruang terbaik untuk memaparkan kesyukuran dan keanjalan undang-undang pusaka Islam dalam konteks menangani masalah pengagihan pusaka dalam kalangan waris khususnya di Malaysia.

#### DISKUSI ETIMOLOGI DAN TERMINOLOGI *TAKHĀRUJ* DALAM UNDANG-UNDANG PUSAKA ISLAM

Etimologinya, *takhāruj* berasal daripada perkataan *kharaja* (خَرَجَ) bermaksud keluar dan menurut Mu'jam al-'Arab al-Asasi (1988), *takhāruj* adalah kata terbitan (تَفَاعُلٌ: تَخَارَجَ - يَتَخَارَجُ - تَخَارُجًا) (مصدر) daripada *wazan* yang membawa pengertian saling keluar atau menarik diri yang berlaku antara dwi-pihak (Ahmad al-'Ayad et.al 1988). Jika dikaitkan dengan pewarisan ialah waris menarik diri atau mengeluarkan bahagiannya kepada saudaranya yang lain melalui pembelian, *sulh* dan seumpamanya dan dilakukan sama ada berkaitan dengan harta ataupun hutang (Ibn Manzur, t.th.). Contoh dalam amalan *takhāruj* seperti seorang ahli waris mengambil rumah dan seorang lagi mengambil tanah (al-Zabidi, t. th).

Terminologinya, *takhāruj* bermaksud persetujuan para waris terhadap pengunduran diri sebahagian mereka dengan imbalan tertentu daripada harta pusaka (al-Jurjani 1413H). Ibn Ābidīn (t. th) pula menyatakan *takhāruj* merupakan persetujuan terhadap pengunduran diri sebahagian mereka daripada harta pusaka dengan imbalan sesuatu benda ataupun hutang. *Takhāruj* juga membawa pengertian bahawa para waris bermuafakat untuk mengeluarkan sebahagian mereka daripada harta pusaka dengan imbalan daripada *tarikah* atau harta lain sama ada melibatkan semua waris ataupun sebahagian mereka (Shalabī 1978). Sementara itu, al-Şābūnī(1995) mentakrifkan *takhāruj* berlaku apabila ahli waris menarik diri daripada harta pusaka dan tidak mengambil bahagiannya dengan diganti harta lain daripada *tarikah* atau harta lain dan hal ini diharuskan oleh syarak seperti mana juga jika dia menyerahkan

seluruh bahagiannya kepada waris-waris lain dan tidak mengambil sesuatu pun daripada pusaka iaitu menggugurkan haknya daripada harta pusaka tersebut. Manakala menurut Ḥamdī (1989) pula, waris yang melepaskan haknya terhadap harta pusaka tersebut akan menyerahkannya kepada waris tertentu sama ada seorang, sebahagian atau kesemuanya dengan balasan sama ada diambil daripada bahagian harta pusaka waris yang menerima atau daripada harta peribadinya.

Namun pendefinisian *takhāruj* yang diutarakan oleh Abī Zahrah (1963) adalah lebih menyeluruh iaitu *takhāruj* merupakan suatu kompromi yang dilakukan oleh sebahagian waris kerana menarik diri daripada haknya dalam harta pusaka dengan mengikut nilai tertentu sebagai balasan atas kompromi tersebut dan boleh melibatkan semua atau sebahagian waris yang berhak terhadap pusaka dengan syarat bahagian harta pusaka yang dikompromi itu bernilai seimbang dengan harta gantiannya, dan sama ada kompromi tersebut dilakukan dengan imbalan daripada harta pusaka itu sendiri atau harta lain. Selain itu, terdapat keunikan dalam takrifan yang dipaparkan oleh al-Şābūnī (1995) yang memasukkan elemen 'hibah' iaitu 'menggugurkan haknya dan tidak mengambil sesuatupun dalam pusaka' yang agak berbeza daripada takrifan lain berhubung '*takhāruj*'.

Justeru, bersandarkan definisi yang hampir senada yang telah dibentangkan dapat disimpulkan bahawa terminologi *takhāruj* secara eksplisitnya membawa maksud pelaksanaannya hanya berlaku dalam kalangan pihak waris yang berhak mendapat harta pusaka dan mengetahui kadar dan nilai bahagian masing-masing kemudiannya bersepakat, berdamai atau berkompromi agar seorang atau sebahagian mereka dikeluarkan atau menarik diri dengan rela hati daripada menerima hak yang telah ditetapkan untuknya dalam pusaka melalui faraid sama ada sebahagian atau keseluruhannya dengan memberikannya kepada sebahagian atau kesemua waris dengan imbalan ataupun tanpa imbalan. Imbalan atau gantian tertentu terhadap tindakan tersebut adalah sama ada daripada harta pusaka tersebut atau daripada harta lain iaitu daripada harta peribadi waris-waris yang menerima tadi.

#### TERAS PEMBENTUKAN AQAD *TAKHĀRUJ*

*Takhāruj* antara para waris adalah harus jika dilakukan secara reda meredai sesama waris yang terlibat kerana ia pada asalnya merupakan aqad *sulh* yang dianjurkan oleh Islam terhadap pengunduran diri dalam kalangan

para waris (al-Ghāmidī 1429H/2008M). Ini kerana jika tiada kompromi yang terhasil antara waris-waris terlibat maka aqad *takhāruj* ini tidak akan terbentuk. Berhubung dengan *ṣulḥ* ini, Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa', ayat 128:

فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ

Maksudnya: Maka tiadalah salah bagi mereka membuat perdamaian di antara mereka berdua, kerana perdamaian itu lebih baik.

Justeru itu, *takhāruj* yang dilakukan mestilah melalui saluran yang betul dan mendapat kerediaan dan persetujuan oleh ahli waris. *Takhāruj* digalakkan kerana terangkum di dalamnya unsur *ṣulḥ* yang terbukti kelebihanannya dalam menangani perbalahan dan pertelingkahan. Terdapat juga hadis Rasulullah SAW yang menyentuh tentang *takhāruj* yang diriwayatkan daripada Imam al-Bayhaqī daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud (Abū Dāwūd. Sunan Abū Dāwūd. Kitāb al-Aqḍiyah. Bāb fī al-Ṣulḥ):

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا أَحَلَّ حَرَامًا أَوْ حَرَّمَ حَلَالًا

Maksudnya: *Ṣulḥ* itu harus dalam kalangan orang Islam kecuali *ṣulḥ* dalam menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

Dalam konteks perwarisan, *takhāruj* merupakan *ṣulḥ* yang digunakan oleh waris-waris untuk mengeluarkan seorang waris daripada pewarisan dengan menerima imbalan harta. Selain itu, terdapat *athar* yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Ibn Abbās r.a berhubung *takhāruj*:

وَقَدْ رَوَى الْإِمَامُ الْبُخَارِيُّ تَعَلِّقًا عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ: يَتَخَارَجُ الشَّرِيكُ وَأَهْلُ الْمِيرَاثِ فَيَأْخُذُ هَذَا عَيْنًا وَهَذَا دَيْنًا فَإِنْ تَوَيَّ لِأَحَدِهِمَا لَمْ يَرْجِعْ عَلَى صَاحِبِهِ

(Ibn Hajar. 1959. Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ al-Bukhārī. Jld. 5. Hlm.370)

Maksudnya: Saling melakukan *takhāruj* dua orang rakan kongsi dan juga ahli waris, seorang mengambil barang manakala seorang lagi mengambil hutang sebagai penyelesaian, sekiranya telah dibuat pembayaran ia tidak boleh dipulangkan (dibatalkan).

Asas yang menjadi rujukan dalam pemakaian amalan *takhāruj* adalah bersandarkan kepada *athar* yang berlaku pada zaman pemerintahan 'Uthmān bin 'Affān:

وَهُوَ مَا رَوَى مُحَمَّدُ بْنُ الْحَسَنِ عَمَّنْ حَدَّثَهُ عَنْ عَمْرِو بْنِ دِينَارٍ أَنَّ إِحْدَى نِسَاءَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ صَالِحُوهَا عَلَى ثَلَاثَةِ وَتَمَانِينَ أَلْفًا عَلَى أَنْ أُخْرِجُوهَا مِنَ الْمِيرَاثِ وَهِيَ تَمَاضِرٌ كَانَ طَلَّقَهَا فِي مَرَضِهِ فَأَخْتَلَفَتْ

الصَّحَابَةُ فِي مِيرَاثِهَا مِنْهُ، ثُمَّ صَالِحُوهَا عَلَى الشُّطْرِ وَكَانَتْ لَهُ أَرْبَعُ نِسْوَةٍ وَأَوْلَادٌ فَحَظُّهَا رُبْعُ الثَّمَنِ جُزْءٌ مِنْ اثْنَيْنِ وَثَلَاثِينَ جُزْءًا فَصَالِحُوهَا عَلَى نِصْفِ ذَلِكَ وَهُوَ جُزْءٌ مِنْ أَرْبَعَةٍ وَسِتِّينَ جُزْءًا وَأَخَذَتْ بِهَذَا الْحِسَابِ ثَلَاثَةَ وَتَمَانِينَ أَلْفًا وَلَمْ يُفَسِّرْ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ.

Maksudnya: Berkaitan apa yang diriwayatkan oleh Muḥammad bin al-Ḥasan daripada 'Amrū bin Dīnār tentang salah seorang isteri 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf r.a. yang dilakukan *muṣālahah* (perdamaian) terhadapnya (dengan persetujuan isteri tersebut) dengan dibayar 83,000 (dinar) untuk mengeluarkannya daripada senarai ahli waris. Isteri 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf r.a. itu bernama Tumaḍīr telah diceraikan olehnya ketika beliau sakit (sebelum meninggal dan ketika 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf r.a. meninggal, isterinya masih dalam edah) maka para sahabat berselisih pendapat tentang cara isterinya itu perlu menerima perwarisan, lalu mereka telah melakukan *muṣālahah* terhadapnya. 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf r.a. mempunyai empat orang isteri dan anak-anak. Maka dalam pembahagian (biasa mengikut faraid) Tumaḍīr akan mendapat 1/4 daripada 1/8 bahagian iaitu satu bahagian daripada 32 bahagian harta yang ditinggalkan oleh suaminya. Dia bersetuju menerima separuhnya iaitu satu bahagian daripada 64 bahagian bersamaan dengan 83,000 (dinar), sedangkan cara pembahagian yang seumpama itu tidak pernah dinyatakan dalam al-Quran.

Justeru, ijmak para sahabat yang tidak menafikan tindakan dan keputusan yang dilakukan oleh 'Uthmān bin 'Affān dalam kes *Tumāḍīr* di atas menjadi dalil ijmak bagi *takhāruj* yang dilakukan (Manṣūr, 2010). Pihak yang boleh dan layak melakukan akad *takhāruj* adalah ahli waris yang sah mengikut syarak, orang yang menerima wasiat daripada *tarikah*, wakil keduanya, wali keduanya atau wasi keduanya (al-Ghāmidī, 1429H). Menurut al-Ghāmidī (1429H/2008M) lagi, syarat-syarat yang perlu untuk melaksanakan akad *takhāruj* daripada sudut *ahliyyah* ialah pihak-pihak tersebut hendaklah berakal dan bukan tergolong daripada kategori yang ditahan atau dihalang daripada melakukan urusan. Justeru, tidak sah *takhāruj* yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum mumaiyiz, orang gila, kurang akal (*ma'tūh*), orang tidur, orang mabuk dan seumpamanya, kerana mereka tidak memahami tujuan *takhāruj* yang dilaksanakan. Tambahan pula *takhāruj* dalam banyak keadaan merupakan *ṣulḥ* yang mengguna pakai akad *mu'āwaḍah* yang hanya sah dilakukan oleh orang yang dibenarkan berurusan mengikut syarak.

Selain itu, hanya waris yang berhak atau pihak yang diberi kuasa oleh para waris dalam pusaka sahaja dibolehkan melakukan akad *takhāruj*. Elemen reda-meredai dwi-pihak yang terlibat merupakan teras kepada *takhāruj* kerana tidak sah *takhāruj* yang dilakukan orang yang dipaksa kerana ia adalah *ṣulḥ* dalam makna jual beli yang memerlukan persetujuan kedua belah pihak yang terlibat (al-Ghāmidī 2008).

Sudut harta pusaka pula, ia mestilah disabitkan oleh syarak menjadi milik waris yang menarik diri dan bahagian pusaka waris yang menarik diri itu perlu diketahui kadar nilai dan sifatnya. Adapun harta yang menjadi imbalan atau gantian waris yang membayar hendaklah sesuatu yang mempunyai nilai dan sah untuk jual beli dari segi syarak dan dimiliki oleh waris yang membayar tersebut (al-Ghāmīdī 2008; ‘Abdullāh al-Jaburi & ‘Abd al-Ḥaqq Ḥumaysh 2007; ‘Abd al-Halim Mansur 2010). Di samping itu, harta tersebut hendaklah diketahui kadar nilai dan sifatnya untuk diserahkan kepada waris yang menarik diri dalam majlis akad.

Adapun penyerahan bahagian waris yang menarik diri dan bayaran daripada waris lain hendaklah dilakukan dalam majlis akad (majlis *takhāruj*) sebelum kedua-dua belah pihak berpisah untuk mengelakkan riba (al-Ghāmīdī 2008; ‘Abdullāh al-Jaburi & ‘Abd al-Ḥaqq Ḥumaysh 2007; ‘Abd al-Halim Mansur 2010). Selain itu, akad tertakluk kepada syarat-syarat akad yang dipersetujui oleh pihak yang berakad (‘Abdullāh al-Jaburi & ‘Abd al-Ḥaqq Ḥumaysh 2007; ‘Abd al-Halim Mansur 2010).

#### KEDUDUKAN AKTIVITI *TAKHARUJ* DALAM MUAMALAT

Akad *takhāruj* pula bergantung kepada cara penyelesaian yang dipersetujui waris-waris. Ia menjadi *mubādalah* jika harta yang ditukar sama nilai. Maka setiap pihak yang terlibat hendaklah melakukan penyerahan mengikut nilai yang dipersetujui bersama (berdasarkan nilai semasa). Mengikut mazhab Ḥanafī, jika penyerahan berlaku kurang daripada nilai yang sama, maka ia termasuk dalam kategori hibah. Jika setara atau lebih daripada nilainya, maka ia adalah jual beli (al-Māwardī 1994). Justeru itu, aktiviti membeli bahagian tanah waris yang lain diharuskan jika setiap waris mengetahui bahagian mereka dan ini dinamakan sebagai *takhāruj* (al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah 1993 5:11).

*Takhāruj* merupakan akad *mu‘awadah* di antara waris-waris di satu pihak dengan waris yang menarik diri (*mutakharaj*) seorang atau ramai di pihak kedua. Barang yang menjadi pertukaran dalam akad ini ialah imbalan yang diberikan oleh waris kepada *mutakharaj* dan bahagian waris dalam *tarikah*, seperti yang dipersetujui oleh kedua belah pihak untuk *mutakharaj* menolak bahagiannya sebagai ganti apa yang diterimanya daripada waris-waris lain. Kesan akad ini ialah gugurnya pemilikan waris yang menarik diri (*mutakharaj*) daripada pewarisan sama ada dia

tahu nilai harta yang sepatutnya dimiliki atau tidak (al-Ḥaṣārī 1992).

*Mu‘awadah* dalam *takhāruj* berlaku apabila penyerahan haknya dilakukan sama ada dengan diganti sesuatu yang lain daripada harta pusaka atau daripada harta yang lain (bukan daripada harta pusaka) dan ini adalah menurut pandangan mazhab Shafīi (al-Māwardī 1994). Manakala pandangan daripada mazhab Hanafī pula membezakan sekiranya gantian daripada harta pusaka, maka ia adalah *mu‘awadah* atau *mubādalah*, tetapi jika daripada harta lain maka ia adalah jual beli (Manṣūr, 2010). *Takhāruj* menjadi *ibrā* apabila seorang ahli waris memberi sebahagian haknya dan mengekalkan haknya pada sebahagian harta yang lain (Manṣūr 2010). Hibah dalam *takhāruj* berlaku apabila ahli waris melepaskan haknya tanpa sebarang ganti rugi atau bayaran atau imbal balik. *Takhāruj* boleh dibahagi secara *muqāsamah* sekiranya ahli waris yang menarik diri melakukan *takhāruj* tanpa balasan, mengenakan syarat agar bahagiannya dibahagi sama rata dalam kalangan ahli waris lain (Manṣūr 2010).

Berhubung dengan kaedah pembahagian pusaka melalui pendekatan *takhāruj* ini, al-Ḥaṣārī (1992) menyatakan terdapat tiga bentuk *takhāruj* yang lazimnya diaplikasikan, iaitu pertama, *takhāruj* di antara seorang waris dengan seorang waris lain. Ini menjadikan bahagiannya hanya untuk waris itu sahaja. Kedua, *takhāruj* di antara seorang waris dengan waris-waris lain untuk dia menarik diri daripada pewarisan dengan imbalan bahagian tertentu daripada *tarikah* seperti rumah dan haknya dalam harta-harta lain diserahkan semuanya kepada waris-waris lain. Rumah itu akan menjadi miliknya seorang dan baki *tarikah* akan dibahagikan kepada waris-waris lain mengikut bahagian faraid seolah-olah waris yang menarik diri tidak ada. Ketiga, kadang-kadang *takhāruj* berlaku apabila waris-waris bersetuju untuk membayar kepada seorang waris yang menarik diri dengan harta lain. Pembayaran tersebut boleh dibuat secara sama rata sesama mereka atau mengikut kadar bahagian mereka dalam pusaka atau mengikut kadar tertentu yang dipersetujui. Bahagian waris yang menarik diri akan dibahagi sama rata atau mengikut hukum faraid atau mengikut kadar sumbangan yang diberikan oleh setiap waris.

Dalam hal berkaitan pembatalan transaksi *takhāruj* ini, al-Ḥaṣārī (1922) dan Abū Zahrah (1963) mengutarakan tiga keadaan yang boleh membatalkan atau menahan pelaksanaannya iaitu apabila timbul tuntutan hutang atas harta si mati sedangkan harta peninggalannya tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang itu dan ahli waris pula tidak sanggup atau

bersedia membayar daripada harta mereka sendiri. Tuntutan hutang ini menyebabkan batal dengan serta merta pembahagian atau penarikan diri waris daripada bahagian harta pusakanya dan jika perlu boleh membatalkan sebarang urusan dengan harta itu. Kedua, apabila timbul tuntutan wasiat terhadap harta pusaka si mati, sedangkan ia tidak diketahui semasa pembahagian atau penarikan diri oleh seseorang waris. Penahanan akan dikenakan ke atas pembahagian atau penarikan diri kerana dengan timbulnya tuntutan itu, maka ia boleh menyebabkan kadar sebenar bahagian masing-masing waris dalam harta pusaka tersebut berubah. Akhir sekali ialah apabila timbul (wujud) seorang waris yang tidak diketahui sebelumnya pada masa pembahagian atau masa penarikan diri, sedangkan kedatangan atau kewujudannya boleh menyebabkan perubahan dalam hak dan bahagian harta pusaka waris-waris berkenaan.

Justeru itu, jika berlaku salah satu daripada keadaan-keadaan di atas maka ia akan membatalkan *takhāruj* kerana harta yang telah diserahkan sebagai *takhāruj* telah menjadi tidak sah kerana ia bukan miliknya secara mutlak, bahkan terdapat hak dan bahagian orang lain di dalamnya.

#### KERELEVANAN PENDEKATAN *TAKHĀRUJ* DALAM PENYELESAIAN MASALAH PENGAGIHAN PUSAKA ISLAM DI MALAYSIA

Keunikan undang-undang pusaka Islam sebagai jalan penyelesaian yang terbaik dalam permasalahan berkaitan pusaka ini perlu dilihat dari pelbagai dimensi dan secara menyeluruh. Ini kerana selain daripada pembahagian pusaka mengikut penetapan kadar sebagaimana yang telah diaturkan melalui kaedah faraid, *takhāruj* merupakan jalan penyelesaian alternatif yang relevan dan praktikal yang kurang didedahkan signifikannya. Ini adalah disebabkan pemikiran sebahagian umat Islam yang kuat berpegang bahawa pengagihan harta pusaka itu hendaklah dibahagikan secara fizikal secara mandatori berdasarkan kadar dan bahagian yang telah ditentukan menerusi kaedah faraid. Sebenarnya, pendekatan *takhāruj* yang mempunyai hubungan dengan undang-undang pusaka Islam juga memberi peluang kepada waris-waris yang berhak untuk memilih cara penyelesaian terbaik dalam menyelesaikan permasalahan berhubung pembahagian harta pusaka mereka agar tautan tali persaudaraan yang terjalin sesama mereka sentiasa terpelihara.

Amalan penyelesaian masalah pusaka melalui amalan muafakat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru dan ia berakar umbi daripada Adat Perpatih dan Adat Temenggung sejak sekian lama (Hooker, M.B. 1970). Walaupun secara asasnya, amalan muafakat mempunyai prinsip yang sama dengan *takhāruj* namun pada hakikatnya amalan muafakat lebih umum berbanding *takhāruj* yang lebih khusus (Md Yazid 2017). Berdasarkan kepada beberapa kajian yang telah dilakukan di beberapa tempat di Pahang, Kelantan, Terengganu dan di negara Brunei iaitu Daerah Brunei Muara, trend pemilihan penyelesaian pembahagian pusaka berasaskan pendekatan *takhāruj* lebih mendapat sambutan berbanding kaedah pengiraan faraid dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka adalah kerana proses pembahagian pusaka menjadi lebih cepat dan lancar, harta pusaka lebih mudah untuk diagihkan yang menyumbang kepada penjimatan masa dan wang serta berupaya memperkukuhkan ikatan silaturrahim sesama waris di samping dapat membantu waris yang kurang berkemampuan dalam kalangan mereka (Mohamad Khairul 2001; Mohd Lutfi 2012; Wan Najmiah 2016; Mohammad Arif & Siti Mashitoh 2017) Antara lokasi yang telah dibuat penyelidikan yang menunjukkan trend pemilihan ke arah penggunaan pendekatan *takhāruj* sebagai instrumen pembahagian pusaka ialah di Pahang iaitu 73.6 peratus (Mohamad Khairul 2001), Daerah Pasir Mas, Kelantan iaitu 99 peratus (Mohd Lutfi 2012) dan Daerah Kuala Terengganu iaitu 53.7 peratus (571 kes daripada 1063 kes) (Wan Najmiah 2016). Selain itu, pembahagian harta pusaka secara muafakat atau *takhāruj* ini juga begitu dominan di Brunei, contohnya 89.75 peratus (622 kes) masyarakat Islam di Daerah Brunei Muara lebih suka memilih pendekatan *takhāruj* berbanding kaedah faraid iaitu 10.25 peratus (71 kes) (Mohammad Arif & Siti Mashitoh 2017).

Begitu juga penarikan diri dengan menyerahkan hak dalam harta pusaka kepada waris lain yang kurang bernasib baik juga mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam di Felda Taib Andak, Johor berasaskan kajian perspektif masyarakat Islam di situ yang mendapati majoriti responden iaitu 77.5 peratus bersetuju jika ahli waris yang telah mempunyai banyak harta, dengan rela hati memberi bahagian atau pemilikan harta pusaka FELDA kepada waris yang miskin dan tidak berkemampuan (Nasrul Hisyam & Norazila 2014). Kerelevanan pemakaian mekanisme *takhāruj* sebagai salah satu wadah alternatif yang pragmatik dalam menyelesaikan kes-kes pengagihan harta pusaka yang bermasalah

dalam kalangan umat Islam di Malaysia dapat dilihat bersandarkan kepada isu-isu berikut, iaitu;

#### KETIADAAN PERUNTUKAN STATUTORI BERHUBUNG *TAKHĀRUJ*

Kecenderungan kepada pendekatan *takhāruj* ini dapat dilihat melalui peruntukan undang-undang berhubung amalan *takhāruj* dalam pembahagian pusaka yang telah wujud dan termaktub di negara-negara luar seperti Indonesia, Mesir, Syria, Qatar dalam undang-undang bertulis negara tersebut. Di Indonesia undang-undang berkenaan pewarisan orang Islam dikanunkan dalam Undang-undang Nomor 7 Tahun 1989 Pasal 54, konsep *takhāruj* dimasukkan dalam KHI Pasal 183. Di Mesir, peruntukan berhubung konsep *takhāruj* telah dikanunkan dalam *Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah Mesir* (Undang-undang Nombor 1 Tahun 2000). Dalam *Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah Mesir* Bahagian 5 tentang *takhāruj* (Perkara 48), peruntukan berkenaan *takhāruj* dan kaedah pembahagiannya dinyatakan secara jelas dan agak terperinci. Selain itu, peruntukan konsep *takhāruj* juga terdapat di Syria dalam *Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah Syria* Akta Nombor (59) Tarikh 7/9/1953. Negara Qatar juga turut memasukkan konsep *takhāruj* dalam *Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*nya. Malah diperincikan lagi dengan memasukkan penjelasan kaedah pembahagian dan kadar bahagian ahli waris berdasarkan sumbangan dalam bayaran seperti yang diperuntukkan dalam *Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah Qatar* Perkara 322. Di negara Kuwait, *Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah Kuwait* Undang-undang Nombor 51 Tahun 1984 dalam Bab Lima Perkara 336 juga turut memperuntukkan satu fasal yang menjelaskan tentang *takhāruj* serta kaedah pelaksanaannya (Wan Najmiah 2016).

Namun di Malaysia, peruntukan secara statutori berhubung *takhāruj* atau muafakat ini dalam mana-mana akta mahupun enakmen masih belum wujud lagi. Adapun urusan pentadbiran pusaka (termasuk untuk orang Islam) di Malaysia di bawah bidang kuasa persekutuan berdasarkan Senarai 1(4)(e)(i), Senarai Persekutuan, manakala peruntukan undang-undang pusaka Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri yang terkandung dalam Senarai 2 (1), Senarai Negeri sementara undang-undang yang diguna pakai bagi mentadbirkannya ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98). Oleh itu, pendekatan *takhāruj* biasanya diaplikasikan di Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dalam menyelesaikan masalah pengagihan harta pusaka dalam kalangan masyarakat Islam.

Rentetan dari itu, Wan Najmiah (2016) mencadangkan Seksyen 15 (Akta 98) Akta Pembahagian Pusaka Kecil perlu lebih jelas tentang cara dan kaedah pembahagian yang boleh dibuat dengan cara membuat pindaan iaitu dengan memasukkan klausa penyelesaian secara *takhāruj*. Ini akan memudahkan pihak-pihak yang memilih untuk menyelesaikan masalah pengagihan pusaka secara *takhāruj*. Justeru itu, usaha untuk menggubal peruntukan undang-undang yang khusus mengenai *takhāruj* adalah sangat relevan memandangkan banyak negara-negara Islam lain yang telah mengaplikasi dan mempraktikkannya.

#### KEKANGAN UNDANG-UNDANG YANG MERUMITKAN PEMBAHAGIAN

Antara permasalahan yang menyukarkan lagi keadaan berhubung pembahagian harta pusaka ialah wujudnya kekangan undang-undang yang menyebabkan waris-waris tertentu yang berhak terhalang daripada memperoleh haknya melalui pembahagian tersebut (Md Yazid & Ibnor Azli 2008) sekali gus matlamat syarak dalam pengagihan secara faraid ini tidak dapat diraih. Situasi ini mewajarkan kerelevanan pemakaian mekanisme *takhāruj* sebagai satu tindakan proaktif dalam menyelesaikan masalah tersebut. Antara kekangan-kekangan tersebut ialah:

1. Seksyen 7, Seksyen 14(2) dan Seksyen 15, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530)

Terdapat sekatan-sekatan yang termaktub dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta 530) (Pindaan tahun 2002) yang menimbulkan masalah pewarisan dari sudut pengagihan pusaka tanah FELDA menurut kadar bahagian waris yang berhak. Pindaan telah dibuat pada tahun 2002 yang melibatkan seksyen 7,12,14 dan 15 sementara itu seksyen 16 telah dimansuhkan. Sekatan di bawah seksyen 14(2), Akta 530 telah menghalang waris yang berhak untuk melaksanakan pengagihan pusaka ahli waris yang ramai kerana kerana seksyen tersebut menghendaki tanah si mati didaftar milik hanya kepada dua orang penama sahaja. Justeru itu, berhubung pentadbiran pusaka tanah FELDA, Pentadbir tanah hendaklah melantik dua orang pentadbir harta pusaka bagi hakmilik atau daftar pegangan yang melibatkan tanah-tanah si mati di bawah Akta 530 dan perlu dipersetujui oleh semua ahli waris dan layak dari sudut undang-undang menurut pertimbangan Pentadbir Tanah (Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009) dan ini

adalah selari dengan peruntukan dalam seksyen 14(2), Akta 530. Sekatan secara eksplisit dalam seksyen 14(2), Akta 530, pula jelas menyatakan bahawa tanah di bawah akta ini diberi milik dan dimiliki bersama tidak melebihi dari dua orang pemilik yang bertujuan bagi membolehkan isteri, bekas isteri atau waris kadim peneroka dimasukkan dalam pegangan desa sebagai pegangan bersama atau pemilik bersama. Ini memberi kesan dari sudut pendaftaran nama secara beramai-ramai bagi waris-waris lain yang berhak dalam geran tanah tersebut. Selain itu, seksyen 15 memperuntukkan bahawa tanah yang di bawah akta ini pada bila-bila masa tidak boleh dibahagi-bahagikan sempadannya (*subdivided or partitioned*), dipajak (*leased*) sebahagian atau kesemuanya sekali gus memberi kesan secara langsung terhadap pembahagian secara fizikal melalui faraid ke atas tanah tersebut.

Impaknya, jumlah kes-kes pusaka tertanggung yang melibatkan tanah FELDA semakin meningkat dari semasa ke semasa. Rentetan daripada itu, banyak tanah-tanah yang terbiar kerana tidak dimajukan dan sekaligus merugikan negara (Nor Liana Ishak & Sanep Ahmad, 2014). Menurut Noorizan et. al. (2017), melalui senarai kes-kes pusaka yang dirujuk melalui fail kes pusaka pejabat FELDA, didapati terdapat 44,170 kes kematian dalam tempoh tahun 1960 sehingga 2016 yang berlaku di FELDA Bukit Kepayang (Bera, Pahang), FELDA Palong (Jempol, Negeri Sembilan) dan FELDA Chini (Kuantan, Pahang) dan daripada jumlah tersebut, terdapat 8,872 kes-kes pengurusan harta pusaka yang tertanggung.

Justeru itu, kerelevanan pemakaian mekanisme *takhāruj* ini dapat dilihat dalam proses perbincangan pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kecil dalam menentukan dua orang ahli waris yang akan mengambil alih milik tanah si mati jika terdiri daripada ramai waris yang berhak. Di peringkat ini, proses permesyuaratan dan perbincangan serta *ṣulh* akan berlangsung sehinggalah persetujuan dicapai mengenai dua orang waris yang akan menggantikan pemilik (si mati) tanah tersebut dan nama-nama mereka akan didaftarkan di dalam Buku Daftar Pegangan Desa (Sulaiman, 2006). Sekiranya persetujuan gagal dicapai, perbincangan boleh ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang sesuai dan mekanisme *takhāruj* masih juga digunakan apabila pihak-pihak yang terlibat diberi peluang sekali lagi untuk membuat rundingan bagi mendapatkan persetujuan.

## 2. Enakmen Rizab Melayu 1933

Halangan yang terdapat dalam Enakmen Rizab Melayu (NMB Bab 142) juga merupakan salah

satu permasalahan yang menghambat waris-waris berhak yang tidak termasuk dalam kategori 'Melayu' sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri walaupun mereka sebenarnya berhak menurut undang-undang pusaka Islam. Justeru itu, pemakaian pendekatan *takhāruj* untuk penyelesaian masalah agihan pusaka dalam situasi ini adalah sangat relevan untuk membolehkan semua waris yang berhak memperoleh bahagian masing-masing secara harmoni. Sungguhpun tafsiran perkataan 'Melayu' di bawah peruntukan Perkara 160 Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan dilihat agak longgar jika dibandingkan tafsiran 'Melayu' dalam Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri yang lebih ketat namun disebabkan ia dibuat mengikut Perkara 86 Fasal 6 Perlembagaan Persekutuan maka tafsiran 'Melayu' di dalam Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri adalah mengatasi tafsiran yang di bawah Perkara 160 Fasal 2 dan perlu diikuti. Lantaran itu, waris-waris berhak yang tidak termasuk ataupun digolongkan dalam maksud 'Melayu' sebagaimana yang termaktub dalam peruntukan Enakmen Rizab Melayu Negeri-negeri maka pindah milik hartanah tidak dapat direalisasikan walaupun mereka berhak menurut undang-undang pusaka Islam sekali gus menafikan keadilan ke atas mereka.

Justeru itu, berlaku pertembungan antara kehendak syarak yang objektifnya untuk memberi hak kepada waris si mati mengikut hukum faraid dengan kehendak enakmen yang mahu menjaga kepentingan Tanah Rizab Melayu daripada dimiliki oleh orang bukan Melayu (Bibi Nur Adila & Md Yazid 2016). Lantaran itu, untuk mengharmonisasikan isu ini, mekanisme *takhāruj* dilihat mampu memainkan peranannya untuk membantu mengembalikan keadilan kepada pihak yang dipinggirkan impak daripada implementasi peruntukan undang-undang ini seterusnya hikmah kepada pensyariatian undang-undang pusaka Islam sebagai rahmat untuk seluruh umat manusia dapat dicapai.

## MASALAH PEMECAHAN SAIZ HARTANAH YANG MELAMPAU

Walaupun setiap waris berhak ke atas setiap harta pusaka, pembahagian perlulah dibuat secara bijak. Ini kerana dalam sesetengah situasi, jenis dan bentuk serta keluasan harta pusaka itu perlu diambil kira kerana kesan pembahagian itu menjadikannya tidak ekonomik untuk dibahagi secara fizikal mengikut faraid iaitu pemilikan secara beramai-ramai ke atas sebidang tanah, mengecilkan keluasannya secara melampau sekaligus menyusutkan nilainya sehingga

menjadi tidak sesuai untuk dibangunkan. Selain itu, ini akan mengundang masalah lain iaitu menyukarkan urusan pentadbirannya termasuk penukaran nama dan pembayaran cukai tanah. Walaupun telah ada peruntukan di dalam seksyen 15(4)(c) dan (d), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) berhubung masalah pemecahan saiz tanah kepada yang lebih kecil untuk pemilikan, tanah tersebut boleh dijual atau ditender kepada waris-waris dan sebagainya melalui cadangan oleh Pentadbir Tanah yang membicarakan kes tersebut menerusi budi bicaranya. Namun seksyen 15(4)(a) dan (d) ini perlu dibaca bersama seksyen 15(5) dan seksyen 15(6), Akta yang sama. Seksyen 15(5) menekankan bahawa ‘budi bicara’ oleh Pentadbir Tanah tersebut hendaklah dibuat setelah mengambilkira pertimbangan hal-hal yang dikemukakan dalam Jadual Pertama. Selain itu, seksyen 15(6) pula menegaskan bahawa sesuatu Perintah Pembahagian yang dibuat berdasarkan seksyen 15(3),(4), (5) dan (5A) memerlukan ‘persetujuan’ benefisiari bumiputera yang terbabit jika cukup umur dan berkeupayaan. Permasalahan akan timbul jika dalam kalangan waris berhubung harta pusaka tanah tersebut tidak bersetuju dan saling bertelagah sesama mereka. Justeru itu, walaupun telah ada jalan penyelesaian yang diperuntukkan dalam seksyen 15(4)(c) dan (d) Akta 98, tetapi masih sukar untuk direalisasikan kerana terikat dengan beberapa peruntukan yang lain iaitu seksyen 15(5) dan seksyen 15(6), Akta yang sama. Impak daripada masalah pemecahan saiz hartanah kepada yang lebih kecil ini dapat dilihat dalam satu kes di Kampung Baru, Kuala Lumpur yang melibatkan sebidang tanah berukuran 371.6 meter persegi (4000 kaki persegi) yang mempunyai 100 orang yang berhak terhadapnya (Shs Nh Khy 2007). Jika dibahagi sama rata setiap waris berhak mendapat bahagian seluas 3.7 meter persegi seorang (40 kaki persegi). Situasi seperti ini akan menyukarkan kesemua pihak yang terlibat dan sekiranya mekanisme *takhāruj* tidak digunakan boleh menyebabkan urusan pembahagiannya tertanggung.

#### PERMASALAHAN BERKAITAN BAYARAN PENDAFTARAN

Dalam konteks ini, sekiranya waris-waris memutuskan pembahagian hartanah pusaka dibuat secara kiraan faraid, ia akan melalui proses pembayaran sebanyak dua kali. Menurut Wan Najmiyah (2016) yang menukarkan hasil temu bual dengan Ahmad Embong (2012), bayaran pertama dikenakan selepas mendapat perintah pembahagian harta pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kecil dan bayaran kedua

ialah untuk pertukaran nama dan milikan secara khusus kepada waris-waris tertentu. Ini secara tidak langsung membebaskan waris-waris yang terlibat. Situasi ini berbeza jika waris-waris bersepakat memutuskan pembahagian tersebut dilakukan berdasarkan mekanisme *takhāruj* kerana bayaran yang dikenakan hanya sekali sahaja iaitu bayaran selepas mendapat perintah pembahagian harta pusaka di Unit Pembahagian Pusaka Kecil. Kemudian mereka boleh terus mendaftarkan nama dan milikan mereka seperti mana yang telah diputuskan secara *takhāruj* melalui perintah tadi di Pejabat Tanah tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Justeru itu, penjelasan di atas menyerlahkan kerelevanan penyelesaian secara *takhāruj* kepada waris-waris berhak yang terlibat kerana ia memberi manfaat kepada waris dari sudut pengurangan kos yang perlu ditanggung oleh mereka dan penjimatan masa dalam mengendalikan urusan tersebut.

#### PENINGKATAN KES KEMATIAN BERLAPIS ATAU *MUNĀSAKHAH*

Sikap negatif waris yang membawa kepada permasalahan seperti berlakunya perbalahan dan pertelagahan (Wan Abdul Halim 2006), kurang peka signifikan pengurusan dan perancangan harta sebelum dan selepas kematian (Md Yazid & Hayatullah 2010; Noraini, Adibah, Mohammad & Mohamed Azam 2012), kurang memahami konsep sebenar undang-undang pusaka Islam (Ajmain & Halimatul 2010; Rusnadewi & Nur Inayah 2015) dan pentadbiran harta pusaka (Muhammad Amrullah & Wan Noraini 2018) dalam kalangan waris-waris si mati akan menyulitkan dan menyukarkan urusan penyelesaian pembahagian harta pusaka dan secara implisitnya berpotensi meningkatkan jumlah kes kematian waris berlapis atau *munāsakhah*. Fenomena ini turut menyumbang kepada pertambahan nilai hartanah pusaka yang tidak dituntut akibat lewat atau tidak dapat diselesaikan yang telah mencecah sehingga 66 bilion ringgit Malaysia (Anon 2016). Kerelevanan untuk mengaplikasikan pendekatan *takhāruj* ini terbukti apabila terdapat kajian penyelidikan yang menunjukkan peratusan responden yang memilih untuk mengaplikasikan mekanisme *takhāruj* sebagai kaedah alternatif bagi pengagihan pusaka dalam kes *munāsakhah* adalah lebih tinggi berbanding yang menggunakan penyelesaian pembahagian secara kiraan faraid, contohnya, Wan Saifuldin (2010) dalam kajiannya di Kuala Terengganu mendapati majoriti penyelesaian *munāsakhat* melalui pendekatan *takhāruj* ialah 57.8%.

## RUMUSAN

Mekanisme *takhāruj* merupakan jalan penyelesaian alternatif yang inklusif dalam konteks kerangka undang-undang pusaka Islam. Ia adalah sebahagian daripada hukum pusaka Islam kerana sebarang penarikan diri atau penyerahan bahagian waris mestilah dalam had dan kadar yang telah ditetapkan oleh Hukum Pusaka Islam. Berasaskan kepada prinsip *ṣulh*, reda dan tolak ansur sesama waris, *takhāruj* merupakan kaedah penyelesaian yang praktis dan paling efektif kerana ia memberi peluang kepada waris-waris memilih cara penyelesaian terbaik dalam pembahagian harta pusaka mereka agar hak dan matlamat keadilan dapat dicapai dan dipelihara seterusnya harta pusaka dapat dimanfaatkan atau dibangunkan seoptimum mungkin demi kepentingan waris tanpa berlaku pembaziran, penindasan dan penganiayaan. Di Malaysia, justifikasi pemakaian mekanisme *takhāruj* sebagai penyelesaian yang efektif dalam masalah pembahagian pusaka di kalangan masyarakat Islam dapat dilihat dalam hal-hal berkaitan masalah ketiadaan peruntukan statutori berhubung *takhāruj* atau muafakat, kekangan undang-undang yang merumitkan pembahagian, masalah keluasan hartanah yang kecil dan tidak produktif, permasalahan berkaitan bayaran pendaftaran dan kesan daripada sikap negatif waris dalam pengurusan pusaka. Justeru, bertitik tolak daripada itu pada permasalahan-permasalahan yang diutarakan, penyelesaian melalui pendekatan mekanisme *takhāruj* perlu direalisasikan dengan bersungguh-sungguh di institusi-institusi yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir perkara-perkara berhubung harta pusaka orang Islam di Malaysia seperti di Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), dan di Amanah Raya Berhad supaya jumlah nilai harta pusaka orang Islam yang meningkat saban tahun dapat diatasi.

## PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2013/SSI03/1), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

## RUJUKAN

- ‘Abdullāh al-Jabūrī & ‘Abd al-Ḥaqq Ḥumaysh. 2007. *Aḥkam al-Mawāriṭh wa al-Waṣāyā fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Jāmi‘at al-Shāriqah.
- Abdullah Muhamad. 2007. Ke arah penyelesaian harta pusaka kecil yang lebih bersepadu cekap dan cemerlang. Dlm. *Konvensyen Pewarisan Harta Islam*, 62-85. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.
- Abū Zahrah, Muḥammad Ibn Aḥmad. 1963. *Aḥkām al-Tarikah wa al-Mawāriṭh*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Ahmad Embong. 2012. Pembahagian harta pusaka di UPKK Terengganu, Kuala Terengganu. *Temu bual*. 08 Mac 2012
- Ahmad, M.Y. & Laluddin, H. 2010. Pengurusan harta pusaka: Permasalahan sikap masyarakat Islam di Malaysia dan penyelesaiannya menurut perspektif Islam [Inheritance management: Attitude issue of Muslim society in Malaysia and its solution according to Islamic perspective]. *Shariah Law Reports*, 4 ShLR (October to December): 30-54.
- Ajmain Bin Safar & Halimatul Ashiken Binti Othman. 2010. *Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Ilmu Faraid*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from [http://eprints.utm.my/10937/1/Persepsi Pelajar Universiti Malaysia Terhadap Ilmu Faraid.pdf](http://eprints.utm.my/10937/1/Persepsi%20Pelajar%20Universiti%20Malaysia%20Terhadap%20Ilmu%20Faraid.pdf). (Google Scholar)
- Akta Tanah (Rezab Melayu) (Pindaan) 1996. *Warta Kerajaan* 25(8).
- Akta Tanah (Kawasan Penempatan ) Berkelompok 1960 (Akta 530).
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).
- Anon. 2016. RM60 bilion harta orang mati dibeku. *Kosmo*, 1 Febuari.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān. 1987. *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Mu‘assasat al-Risālāh.
- Aḥmad al-‘Ayad, Aḥmad Mukhtār ‘Umar, al-Jilānī bin al-Ḥāj Yaḥyā, Dawūd ‘Abduh, Ṣāliḥ Jawād Ṭu‘aymah & Nadīm Mar‘ashlī. 1988. *Mu‘jam al-‘Arab al-Asāsī*. Maghribi: Lārūs.
- al-Bayhaqī. Abī Bakr Aḥmad bin Ḥusayn. 1999. *al-Sunan al-Kubrā*. Jld. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Berita Harian*. 2005. 1 Julai.
- Bibi Nur Adila Zulkafli & Md Yazid Ahmad. 2016. Kekangan dan penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia. *Islamiyyat* 38(1): 53-63.
- Dewan Rakyat Malaysia. 7 April 2011. Jawapan-Jawapan Lisan bagi Pertanyaan-Pertanyaan. 4(20): 15-16 Parlimen Kedua Belas Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama.
- Dewan Rakyat Malaysia. 20 Disember 2012. Jawapan-Jawapan Lisan bagi Pertanyaan-Pertanyaan. 5(28): 1-2. Parlimen Kedua Belas Penggal Kelima, Mesyuarat Ketiga.
- Dewan Rakyat Malaysia. 30 Julai 2018. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat *Jawapan-Jawapan Lisan bagi Pertanyaan-Pertanyaan*. Bil. 9: 8. Parlimen Keempat Belas Penggal Pertama Mesyuarat Pertama.
- al-Ghāmīdī, Nāṣir bin Muḥammad. 1429H. *al-Takhāruj Bayn al-Warathah, Aḥkāmuhu wa Ṣuwaruhu fī al-Fiqh*

- al-Islāmī*. Majallat Jāmi‘at Umm al-Qurā li ‘Ulūm al-Sharī‘ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Ibn Muḥammad. 2008. *al-Mustaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar (Muhakik). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ḥamdī ‘Abd al-Mun‘im Shalabi. 1989. *al-Ra‘id fi ‘Ilm al-Faraiḍ*. Kaherah: Maktabat Ibn Sina.
- al-Ḥaṣārī, Aḥmad. 1992. *al-Tarikāt wa al-Waṣāyā wa al-Qaḍāyā al-Muta‘alliqah bihima fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran*. Beirut: Dār al-Jil.
- Hayatullah Laluddin, Mohamad Nasran Mohammad, Zuliza Mohd Kusrin, Shofian Ahmad, Zaini Nasohah, Mohd Zamro Muda, Md Yazid Ahmad, Ahmad Muhammad Husni. 2012. An Analysis on Maslaha’s Development Through of al-Ghazali Pre and Post Al-Ghazali Periods. *International Business Management* 6(2): 187-193.
- Hooker, M.B. 1970. *Reading in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn bin ‘Umar. 2000. *Radd al-Muḥtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār Ḥāshiyat Ibn ‘Ābidīn*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Ḥajar, Shihāb al-Dīn Abī al-Faḍl. 1959. *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Maktabat Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn Manẓūr. T.th. *Lisān al-‘Arab*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).
- Kurniawati Kamarudin. 2019. Negara perlukan reformasi tanah terbiar. *Bernama.com*, 13 Februari. <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1725776> [25 Mei 2019].
- al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah. 1993. Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
- al-Māwardī, Abī al-Ḥasan. 1994. *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Maṣṣūr, ‘Abd al-Ḥalīm. 2010. *Fiqh al-Mawārith fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*. Iskandariyah: Dār al-Fikr al-Jāmi‘ī.
- Md Yazid Ahmad. 2017. Amalan Muafakat dan Aplikasi Takhāruj dalam Pengagihan Pusaka menurut Perspektif Undang-undang Pusaka Islam. *Jurnal Islamiyyat*, 39(1): 21-28.
- Md Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. 2008. Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes tuntutan harta orang Islam di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 30: 99-127.
- Mohammad Arif Sabtu & Siti Mashitoh Mahamood. 2017. Kaedah Muafakat Dalam Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam: Kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam (Consensual Agreement Method in Muslim Estate Distribution: A Study in the Shariah High Court Brunei Darussalam). *Journal of Shariah Law Research* 2(1): 21-34.
- Mohamad Khairul Anwar Osman. 2001. *Faraid in the Pahang state of Malaysia: Theory and Practice*. Tesis Ph.D. University of Leeds.
- Mohd Lutfi bin Omar. 2012. *Pembahagian Harta Pusaka Secara Muafakat di Daerah Pasir Mas, Kelantan*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Amrullah Drs Nasrul & Wan Noraini Mohd Salim. 2018. Administration of estates in Malaysia: Determinant of factors behind the delay in the distribution of the deceased’s asset. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 3(1): 75-86.
- Muhammad Ridhwan Abdul Aziz, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Khairil Faizal Khairi, & Fuadah Johari. 2014. A Review on Literatures in Planning and Managing of Islamic Wealth Distribution. *Library Philosophy and Practice*, (1144), 1-9. Retrieved from <http://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/>.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Norazila Mat Ali. 2014. Pembahagian harta pusaka Felda: Perspektif masyarakat Islam Felda Taib Andak. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 66:1 27-33.
- Noorizan Mohamed Hasnan, Hairunnizam Wahid, Mohd Zamro Muda & Mohd Yassin Mohd Yusuf. 2017. Pindaan Akta GSA (2002) dan Cadangan Model Pembahagian Harta Pusaka Tanah Rancangan Felda. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke 12 (PERKEM 2017)*, hlm. 1172-1180.
- Nor Liana Ishak & Sanep Ahmad. 2014. Kesan Sistem Warisan Tanah Felda (GSA) Ke Atas Ekonomi Merentasi Generasi: Pendekatan Teori Dasar Sosial (TDS). *Prosiding Seminar Wakaf Iqlimi 2014*, USIM, hlm. 506-519.
- Noraini Noordin, Adibah Shuib, Mohammad Said Zainol, Mohamed Azam Mohamed Adil. 2013. Delay in Islamic Inheritance Claim - An Ignorance Issue. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 90: 504-512.
- Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakub. 2015. Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek* 5(2): 1-18.
- al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Āli. (1995). *Al-Mawārith fī al-Sharī‘at al-Islāmiyyat fī Dawī‘ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Ali. 2002. *al-Mawārith fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah fī Dawī‘ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kaherah: al-Dār al-Ṣābūnī.
- Shalabī, Muḥammad Muṣṭafā. 1978. *Aḥkām al-Mawārith bayn al-Fiqh wa al-Qānūn*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.
- Shs Nh Khy. 2007. Nilai harta pusaka tak dituntut rakyat Malaysia cecah RM40 Bilion. *Bernama*, 10 Julai. (atas talian): <http://www.bharian.com.my> [09 Ogos 2011]
- Sulaiman Kadimi. 2006. Pembahagian Harta Orang-orang Yang Telah Mati dan Mempunyai Tanah di bawah Akta

- Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM & Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Bangi, 2006, hlm. 48-49.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. 2006. *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Selangor: DAWAMA Sdn. Bhd.
- Wan Najmiah Wan Mohamad Ali & Md Yazid Ahmad. 2013. The Mechanism of Application for Takhāruj in Distribution of Small Heirloom Estate in Kuala Terengganu. *Jurnal Islamiyyat (The International Journal Of Islamic Studies)*, 35(2), 27-33.
- Wan Najmiah Wan Mohamad Ali. 2016. Aplikasi Prinsip Al-Takharuj dalam Pembahagian harta Pusaka Kecil Orang Islam di Terengganu. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Saifuldin W. Hassan. 2010. Penyelesaian *Munāsakhāt* di Unit Pembahagian Pusaka Kecil Kuala Terengganu. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Zabīdī, Murtaḍā b. Muḥammad. T.th. *Tāj al-'Arūs fī Sharḥ al-Qāmūs*. Kuwait: Maṭba'at Ḥukūmat al-Kuwait.
- Md Yazid Ahmad  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
yazid@ukm.edu.my
- Wan Najmiah Wan Ali  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pengurusan Halal  
Bangunan Sultan Idris Shah  
No.2 Persiaran Masjid  
40676 Shah Alam Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
wnajmiah@jais.gov.my
- Anwar Fakhri Omar  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
anwar.fpi@ukm.edu.my